

27/12/2001

Mahathir kesal (HL)

Fazli Abdullah; Sariha Mohd Ali

PUTRAJAYA, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kesal dengan tindakan sebuah akhbar menyiarkan berita kononnya ada percubaan membunuh beliau dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, kerana laporan sensasi seperti itu memberi kesan kepada ekonomi negara.

Perdana Menteri berkata, berikutan laporan itu, orang asing kini akan berpendapat wujud penganas di Malaysia yang menjadikan seseorang sebagai sasaran sedangkan keadaan di negara ini tidak sedemikian.

"Saya sedih dan dukacita ada orang membuat laporan sensasi yang akan mempunyai kesan terhadap ekonomi negara," katanya, yang dipetik oleh Bernama selepas rakaman perutusan Tahun Baru untuk RTM di pejabatnya di sini, hari ini.

Akhbar The Sun semalam, yang memetik sumber-sumber polis melaporkan wujud satu pakatan untuk membunuh Dr Mahathir dan Abdullah, yang didakwa akan berlaku dalam masa satu atau dua bulan ini.

Menurut laporan itu, beberapa ahli politik tempatan berada di belakang konspirasi berkenaan dengan mengupah seorang pembunuh upahan yang digelar 'Raja Komando'.

Sambil mengulangi beliau sendiri tidak mendapat sebarang maklumat mengenai perkara itu, Dr Mahathir berkata, akhbar itu sepatutnya memberitahu polis terlebih dulu sebarang komplot membunuh sesiapa sebelum menyiarkan laporan.

"Adalah menjadi tanggungjawab akhbar itu untuk memberitahu polis dan bukannya menjadi tanggungjawabnya pula untuk mensensasikan berita bila tidak ada bukti kukuh," katanya.

Perdana Menteri berkata, jika beliau sendiri melihat seseorang membawa pistol, beliau tidak akan catat dan tulis dalam akhbar yang "hari ini saya tengok seorang bawa pistol untuk membunuh orang lain".

"Itu bukan caranya. Tindakan yang sewajarnya ialah membuat laporan polis supaya langkah penangkapan boleh diambil.

"Tetapi ini tidak... (dilakukan). Yang diutamakan ialah macam mana hendak jual surat khabar dengan melaporkannya secara sensasi," katanya.

Di KUANTAN, Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, laporan seumpama itu menimbulkan suasana tidak menyenangkan di kalangan rakyat dan pihak lain, yang akan membuat pelbagai andaian.

Abdullah berkata, perkara itu perlu difahami pihak berkenaan kerana khabar angin tidak boleh disebarkan sesuka hati yang boleh menjejaskan ketenteraman negara.

"Saya serahkan kepada polis untuk menyiasat. Setakat ini, laporan yang diberi kepada saya, mereka sudah mulakan siasatan. Kes itu perlu disiasat, tetapi saya tidak fikir ianya benar.

"Tetapi jika tidak benar, ertinya ianya tidak betul. Kenapa cerita seumpama ini dibuat. Siapa yang mula buat cerita macam ini kerana ia tidak memberi kebaikan kepada negara," katanya selepas mendengar taklimat banjir di Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang, di sini petang ini.

Sementara itu, Kementerian Dalam Negeri (KDN) hari ini memanggil editor The Sun berikutan laporan itu.

Ketua Pengarang Berita The Sun, Robert Ho dan seorang wartawan memberi penjelasan berhubung laporan itu kepada Setiausaha Bahagian Kawalan Penerbitan, Filem dan Teks al-Quran KDN, Mohd Abdul Halim Muhammad, pagi ini.

Ketua Setiausaha KDN, Datuk Seri Aseh Che Mat ketika dihubungi Berita Harian mengesahkan, editor berkenaan dipanggil berhubung laporan yang disiarkan akhbar itu mengenai komplot membunuh Dr Mahathir dan Abdullah.

"Mereka berjumpa dengan pegawai saya hari ini dan kita masih menyiasat perkara itu," katanya yang enggan mengulas lanjut.

Bukit Aman juga akan memanggil wartawan yang menulis laporan berkenaan untuk mendapatkan penjelasan. Difahamkan, Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai, sudah mengarahkan pegawainya memanggil wartawan berkenaan.

"Wartawan berkenaan akan dipanggil ke Bukit Aman dalam masa terdekat," kata sumber-sumber polis.

Dalam perkembangan berkaitan, Timbalan Ketua Bahagian Parti Keadilan Nasional Shah Alam, Raja Kamaruddin Raja Abdul Wahid yang dikenali umum sebagai 'Raja Komando' menafikan pembabitannya dalam komplot membunuh dua pemimpin itu.

Dalam temuramahnya dengan The Malay Mail hari ini, Raja Kamaruddin yang mempersoalkan laporan akhbar itu mengaitkan namanya berkata, beliau menyangka akan ditahan polis sebaik diberitahu mengenai perkara itu.

Bagaimanapun, katanya, beliau lega apabila mendengar laporan bahawa Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Jamil Johari berkata polis sendiri tidak mengetahui sebarang pakatan untuk membunuh Dr Mahathir dan Abdullah.

"Saya seorang rakyat Malaysia dan cukup matang untuk tidak membunuh sesiapa," katanya sambil menambah, tiada lagi orang lain di negara ini yang dikenali sebagai 'Raja Komando'.

(END)